



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

18 JANUARI 2022 (SELASA)



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

18 JANUARI 2022 (SELASA)

HARI : SELASA
TARIKH : 18/1/2022
M/SURAT : 16

RM680j stabilkan harga barang makanan

Kota Kinabalu: Kerajaan memperuntukkan RM680 juta untuk Program Penyeragaman Harga, Program Penstabilan Harga dan Subsidi Tepung Gandum Kegunaan Am tahun ini, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Alexander Nanta Linggi.

Beliau berkata, RM240 juta daripada jumlah berkenaan adalah untuk melaksanakan Program Penyeragaman Harga yang membabitkan Pengedaran Barang Perlu, Gas Petroleum Cecair dan Community Drumming.

"Sejumlah RM400 juta untuk Program Penstabilan Harga Minyak Masak dan RM40 juta untuk Subsidi Tepung Gandum Kegunaan Am," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Sistem Ulang Siar Bersama Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) di Pasar Besar Kota Kinabalu di sini, semalam.

Turut hadir Menteri Pembangunan Masyarakat dan



NANTA (dua, kiri) melancarkan Sistem Ulang Siar Bersama DBKK di Pasar Besar Kota Kinabalu, semalam.

Kesejahteraan Rakyat Sabah Datuk Shahelmey Yahya, Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Sabah George Abas dan Mayor Bandaraya Kota Kinabalu Datuk Noorliza Awang Alip.

Mengulas lanjut, Nanta berkata, melalui program

putih paket 1 kilo (kg), tepung gandum kegunaan am paket 1kg/ tepung gandum bukan kegunaan am paket 1kg, minyak masak paket 1kg/ botol 1 liter), Gas Cecair Petroleum (LPG) dan *Community Drumming* (Petrol RON95 dan Diesel).

"Tanpa program ini, barang terbabit pastinya terpaksa dijual mahal kerana faktor pengangkutan dan *transporter* kini ditanggung oleh kerajaan," katanya.

Beliau berkata, program dilaksanakan kerajaan itu dapat memastikan barang itu dijual mengikut harga ditetapkan kerana kos penghantaran ditanggung oleh kerajaan.

"Saya melawat POS (Point of Sales) di Pulau Bum-Bum, POS Mayok, POS Amin dan POS Charleys di Kundasang untuk melihat sendiri bagaimana barang berkenaan dihantar *transporter*, direkod dan dijual untuk penduduk setempat dengan harga sama dinikmati di bandar-bandar di Malaysia," katanya.

berkenaan kerajaan akan menanggung kos pengangkutan dan penghantar barang untuk membawa tujuh barang kawalan dari pembekal di bandar ke kawasan-kawasan pedalaman terpilih.

"Program ini merangkumi Program Pengedaran Barang Perlu (beras, gula

MRS diiktiraf badan pelesenan muzik

Music Rights Sabah Berhad (MRS) secara rasmi menjadi badan pelesenan muzik diiktiraf kerajaan, berkuat kuasa mulai 7 Januari lalu.

Menyatakan hal ini, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata MRS diiktiraf untuk menjalankan aktiviti kuitan royalti mewakili penyanyi, pemuzik, pembuat video muzik dan syarikat rakaman tempatan membabitkan etnik di Sabah.

Katanya, MRS adalah badan dan pelesenan ketujuh diisytihar oleh Pengawal Hak Cipta dibawah Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) yang diberi kuasa mengutip royalti muzik dan mengeluarkan lesen penggunaan muzik negeri itu.

"Enam badan lain adalah Music Authors Copyright Protection Berhad (MACP), Public Performance Berhad (PPM), Recording Performers Berhad (RPM), MPLC Sdn Bhd, Malaysia Reprographic Rights Centre Malaysia Berhad (MARC) dan Music Right (Sarawak) Berhad.

"Penubuhan dan pengiktiranfan MRA sebagai badan pelesenan antara lain akan memberi manfaat kepada ahli dalam menguruskan hak royalti mereka di samping menjaga kebaikan mereka dalam industri muzik.

"Antara ahli yang bernaung di bawah badan ini ialah pencipta lagu, penulis lirik, penyanyi, pemuzik dalam rakaman lagu, pembuat video muzik dan syarikat rakaman," katanya.

Beliau berkata demikian dalam kenyataan media selepas mengumumkan penubuhan badan pelesenan MRS secara rasmi sempena Majlis Apresiasi Kepenggunaan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna bersama Exco Kepenggunaan Sabah, Media dan NGO Kepenggunaan, di sini, baru-baru ini.

Turut hadir, Pengarah KPDN-HEP Sabah, Georgie Abas dan Pengarah Urusan MRS, Asmin Mubin.

Alexander
Nanta Linggi



Syarikat bungkus minyak masak diminta ikut syarat

KPDNHEP beri amaran ambil tindakan tegas jika menyeleweng

Oleh Izwan Abdullah
bhnews@bh.com.my

Kota Kinabalu: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memberi amaran kepada syarikat pembungkusan semula minyak masak bersubsidi supaya mematuhi syarat ditetapkan kerajaan bagi memastikan bekalan barang kawalan itu sentiasa mencukupi.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata kementerian akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana syarikat pembungkusan semula dilantik KPDNHEP yang didapati menyeleweng daripada syarat ditetapkan.

Katanya, syarikat terbabit perlu memastikan pengeluaran minyak masak bersubsidi iaitu dalam paket satu kilogram dipenuhi berdasarkan syarat ditetapkan dan memastikan ia dipasarkan untuk golongan sasaran dalam negara.

"Kita memberi amaran kepada syarikat pembungkusan semula yang dilantik oleh KPDNHEP agar membuat perniagaan mengikut syarat diberikan oleh kerajaan, jangan berlaku ketirisan atau melakukan perkara tidak dibenarkan selain daripada mengeluarkan paket satu kilogram untuk golongan sasar atau mungkin mengambil keuntungan besar dengan menjualnya di luar.

"Kita akan mengambil tinda-



Alexander (empat dari kiri) meninjau proses pengendalian barang Program Penyeragaman Harga di Pelabuhan Teluk Sepanggar, Kota Kinabalu, semalam.

(Foto Izwan Abdullah/BH)

kan tegas terhadap mana-mana syarikat pembungkusan semula yang gagal mematuhi syarat. Ini untuk memastikan bekalan minyak masak bersubsidi kekal ada di pasaran," katanya kepada pemberita selepas meninjau proses pengendalian barang Program Penyeragaman Harga di Pelabuhan Teluk Sepanggar, di sini, semalam.

Alexander turut mengakui, pihaknya menerima banyak rungutan daripada pengguna yang mengadu mengenai kesukaran untuk mendapatkan bekalan minyak masak bersubsidi, termasuk di Sabah.

Katanya, perkara itu sedang diteliti dan tindakan jangka pendek serta jangka panjang akan diambil selepas kementerian selesai meneliti punca yang menyebabkan masalah kekurangan bekalan minyak masak bersubsidi di pasaran.

"Ini juga antara tujuan kita ke Sabah dan kita dapati ia memang berlaku (kekurangan bekalan). Selepas balik nanti (ke

Kuala Lumpur) kita akan lihat bagaimana mengatasi masalah ini, sebab ia lebih kepada pembungkusan semula untuk diedar ke pasaran.

"Untuk jangka pendek kita akan pantau perkara ini, manakala strategi lain akan dibuat untuk jangka panjang," katanya.

Sementara itu, beliau berkata Sabah tidak berdepan masalah penghantaran dan pengagihan barang menerusi Program Penyeragaman Harga yang bekalannya dibawa dari Semenanjung, seperti gula.

Katanya, kerjasama erat di antara KPDNHEP dengan syarikat pembekal dan pihak berkuasa pelabuhan memastikan penghantaran barang menerusi program itu khususnya gula, minyak masak bersubsidi dan tepung gandum berjalan dengan lancar.

"Kita menghargai kerjasama semua pihak termasuk syarikat pembekal dan pihak pelabuhan yang memastikan tiada ganggu-

an bekalan barang yang dibawa masuk ke Sabah menerusi Program Penyeragaman Harga," katanya.

Katanya, pada tahun ini Kerajaan Persekutuan menyediakan peruntukan RM40 juta untuk Program Penyeragaman Harga Pengedaran Barang Perlu seperti beras, gula, tepung gandum, minyak masak paket satu kilogram dan gas memasak di negeri yang terbabit dengan program itu, termasuk Sabah.

Selain itu, katanya sebanyak RM200 juta diperuntukkan untuk Community Drumming atau pengedaran bahan api petrol RON95 dan diesel di kawasan pedalaman bagi membolehkan pengguna luar bandar menikmati harga yang sama di kawasan bandar.

Dalam pada itu, mengenai bekalan gula di Sabah, Alexander berkata lebih 200 kontena sebulan dibawa masuk oleh dua syarikat pembekal utama gula ke negeri ini bagi memastikan bekalan sentiasa mencukupi.

RM240 juta laksana program seragam harga

Kota Kinabalu: Kerajaan memperuntukkan RM680 juta bagi Program Penyeragaman Harga, Program Penstabilan Harga serta Subsidi Tepung Gandum Kegunaan Am, tahun ini, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi.

Beliau berkata, sebanyak RM240 juta daripada jumlah itu adalah untuk pelaksanaan Program Penyeragaman Harga membabitkan Pengedaran Barang Perlu, Gas Petroleum Cecair (LPG) dan 'Community Drumming'.

"Sebanyak RM400 juta pula untuk Program Penstabilan Harga Minyak Masak, manakala RM40 juta lagi Subsidi Tepung Gandum Kegunaan Am," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan Sistem Ulang Siar Bersama Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) di Pasar Besar Kota Kinabalu, di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Nanta berkata, melalui program itu, kerajaan akan menanggung kos pengangkutan serta penghantaran bagi membawa tujuh barang kawalan daripada pembekal di bandar ke kawasan pedalaman terpilih.

"Program ini merangkumi Program Pengedaran Barang Perlu (beras, gula putih peket satu kilogram (kg), tepung gandum kegunaan am peket 1kg/tepung gandum bukan kegunaan am paket 1kg, minyak masak paket 1kg/botol satu liter), LPG dan Community Drumming (petrol RON95 dan diesel).

"Tanpa program ini, barang berkenaan pasti terpaksa dijual mahal kerana faktor pengangkutan dan 'transporter', yang kini ditanggung oleh kerajaan," katanya.

Beliau berkata, pelaksanaan program itu dapat memastikan barang terhabit dijual mengikut harga ditetapkan, kerana kos penghantaran telah ditanggung oleh kerajaan.

"Saya telah melawat POS (Point of Sales) di Pulau Bum-Bum, POS Mayok, POS Amin dan POS Charleys di Kundasang untuk melihat sendiri bagaimana barang berkenaan dihantar oleh 'transporter', direkod serta dijual untuk dinikmati penduduk setempat pada harga sama yang dinikmati di bandar di Malaysia.

"Sebanyak 845 POS diwujudkan di Sabah dan jumlah keseluruhan POS di seluruh negara ialah 2,005," katanya.

Ikut syarat ditetapkan KPDNHEP

Amaran tegas kepada syarikat pembungkusan minyak masak bersubsidi

KOTA KINABALU

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) pada Isnin memberi amaran tegas kepada syarikat pembungkusan minyak masak bersubsidi supaya menjalankan aktiviti itu mengikut syarat ditetapkan bagi memastikan bekalan dalam pasaran sentiasa mencukupi.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, syarikat pembungkusan minyak masak bersubsidi dilantik KPDNHEP perlu mematuhi syarat ditetapkan bagi mengelak sebarang ketirisan dalam pembekalan barang kawalan itu dan tindakan tegas akan diambil sekiranya berlaku penyelewengan.

Beliau berkata, semua syarikat terbabit perlu memastikan pembebasan minyak masak bersubsidi paket satu kilogram sampai kepada golongan sasar dan bukan untuk mengaut keuntungan.

"Janganlah berlaku ketirisan atau melakukan perkara yang tidak dibenarkan selain daripada membekalkan minyak masak bersubsidi paket satu kilogram untuk golongan sasar atau mungkin

mengambil keuntungan besar dengan menjualnya di luar dan mendapat harga lebih tinggi.


"Jika ini berlaku, kita akan mengambil tindakan tegas (kepada mana-mana syarikat terbabit). Kita akan bertegas dalam hal ini bagi menjamin bekalan minyak masak di pasaran," katanya kepada pemberita selepas merasmikan program penyeragaman harga di Pelabuhan Sepanggar di sini pada Isnin.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai langkah dan pendekatan diambil kerementerian dalam usaha mengatasmasalah kekurangan bekalan minyak masak bersubsidi paket satu kilogram di pasaran yang sering menjadi runtung pengguna termasuk di Sabah.

Menurutnya, KPDNHEP mengambil maklum mengenai isu tersebut, dan akan merangka strategi lebih komprehensif bagi mengatasmasalah itu sekali gus memastikan bekalan minyak masak bersubsidi sentiasa ada di pasaran.

"Ini lebih kepada (syarikat) pembungkus semula (minyak masak bersubsidi) yang dilantik untuk memberi bekalan kepada pasaran. Secara jangka pendek, kita akan pantau (isu tersebut) dan kita juga akan merangka strategi lain untuk jangka panjang," katanya.

Sementara itu, selepas melancarkan Sistem Ulang Siar Bersama Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) di Pasar Besar



Nanta meninjau harga ayam yang dijual di Pasar Besar Kota Kinabalu pada Isnin.

Kota Kinabalu di sini, Nanta memaklumkan, kerajaan memperuntukkan RM680 juta untuk Program Penyeragaman Harga, Program Penstabilan Harga dan Subsidi Tepung Gandum Kegunaan Am tahun ini.

Katanya, RM240 juta daripada jumlah berkenaan adalah untuk melaksanakan Program Penyeragaman Harga yang melibatkan Pengedaran Barang Perlu, Gas Petroleum Cecair dan Community Drumming.

"Sejumlah RM400 juta untuk Program Penstabilan Harga Minyak Masak dan RM40 juta

untuk Subsidi Tepung Gandum Kegunaan Am," katanya.

Mengulas lanjut, Nanta berkata, melalui program berkenaan kerajaan akan menanggung kos pengangkutan dan penghantar barang untuk membawa tujuh barangan kawalan dari pembekal di bandar ke kawasan-kawasan pedalaman terpilih.

"Program ini merangkumi Program Pengedaran Barang Perlu (beras, gula putih paket 1 kilo (kg), tepung gandum kegunaan am paket 1kg, tepung gandum bukan kegunaan am paket 1kg, minyak masak paket

1kg/botol 1 liter), Gas Cecair Petroleum (LPG) dan Community Drumming (Petrol RON95 dan Diesel).

"Tanpa program ini, barang-barang tersebut pastinya terpaksa dijual mahal kerana faktor pengangkutan dan transporter yang kini ditanggung oleh kerajaan," katanya.

Beliau berkata, program yang dilaksanakan oleh kerajaan itu dapat memastikan barangan berkenaan dijual mengikut harga yang ditetapkan kerana kos-kos penghantaran telah ditanggung oleh kerajaan. - Bernama

Amaran buat pembungkus minyak masak paket 1 kilogram

Kota Kinabalu: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memberi amaran kepada syarikat pembungkusan semula minyak masak bersubsidi supaya mematuhi syarat ditetapkan kerajaan bagi memastikan bekalan barang kawalan itu sentiasa mencukupi.

Menterinya Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, kerementerian akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana syarikat pembungkusan semula dilantik KPDNHEP yang didapati menyeleweng dari pada syarat ditetapkan.

Katanya, syarikat terbabit perlu memastikan pengeluaran minyak masak bersubsidi iaitu dalam paket

satu kilogram dipenuhi berdasarkan syarat ditetapkan dan memastikan ia dipasarkan untuk golongan sasaran dalam negara.

"Kita memberi amaran kepada syarikat pembungkusan semula yang dilantik KPDNHEP agar membuat pernilauan mengikut syarat yang diberikan oleh kerajaan, jangan berlaku ketirisan atau melakukan perkara yang tidak dibenarkan selain daripada mengeluarkan paket satu kilogram untuk golongan sasar atau mungkin mengambil keuntungan besar dengan menjualnya di luar.

"Kita akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana syarikat pembungkusan semula yang gagal mematuhi syarat. Ini untuk memastikan bekalan

minyak masak bersubsidi kekal ada di pasaran," katanya kepada pemberita selepas meninjau proses pengendalian barang Penyeragaman Harga di Pelabuhan Teluk Sepanggar, di sini, semalam.

Alexander turut mengakui pihaknya menerima banyak rungutan daripada pengguna yang mengadu mengenai kesukaran untuk mendapatkan bekalan minyak masak bersubsidi termasuk di Sabah.

Katanya, perkara itu sedang diteliti dan tindakan jangka pendek serta jangka panjang akan diambil selepas kerementerian selesai meneliti punca yang menyebabkan masalah kekurangan bekalan minyak masak bersubsidi di pasaran.

Sedia hadapi kenaikan minyak masak peket

PETALING JAYA: Para pengguna perlu bersedia menghadapi kenaikan harga minyak masak peket bersubsidi berikutan kekurangan bekalan minyak masak tersebut di pasaran.

Presiden Persatuan Pengguna Subang dan Shah Alam (CASSA), Datuk Dr. Jacob George berkata, rakyat kini terbeban dengan kekurangan bekalan minyak masak peket bersubsidi terutamanya buat mereka yang mahu bangkit semula dengan menjalankan pembiagaan selepas pandemik Covid-19.

Bagaimanapun katanya, kenaikan kadar minyak masak peket bersubsidi itu difikirkan sesuai buat sementara waktu bagi menghadapi musim perayaan selepas ini sehingga ekonomi, liputan logistik dan mana-mana syarikat yang terjejas dengan banjir kembali pulih seperti sediakala.

"Hasil perbincangan bersama pemain industri, mereka memberitahu berdepan masalah dari segi operasi kerana tidak cukup sumber manusia, tak cukup bekalan seperti kandungan masakan, maka sekiranya mahu bekalan minyak masak itu dipercepat-

kan, perlunya kenaikan kos operasi.

"Jika pengguna mahu cepat, bekalan mencukupi dan harga yang begitu munasabah seperti dahulu, maka, itu susah dalam keadaan sekarang, jadi, adakah pengguna kita bersedia untuk kos meningkat atau kerajaan beri subsidi buat industri untuk meringankan masalah operasi mereka?

"Cadangan saya, kita bincang bersama industri dan pihak kerajaan bagi melicinkan satu kenaikan, namun, dalam masa sama kita kena pastikan kenaikan itu boleh mengatasi kos operasi serta bekalan tak cukup yang hanya bersifat sementara," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*, semalam.

Rabu lepas, media melaporkan, peruncit di sekitar Lembah Klang mendakwa bekalan minyak masak bersubsidi sekilogram amat sukar diperoleh daripada pemborong sejak Disember tahun lalu.

Menurut Dr. Jacob, kenaikan kadar harga itu juga semestinya tidak membebangkan pengguna dan dalam masa sama juga tidak membebangkan industri pengeluar bekalan minyak masa tersebut.



PERUNCIT di sekitar Lembah Klang mendakwa bekalan minyak masak bersubsidi sekilogram sukar diperoleh daripada pemborong.
- UTUSAN/AFIQ RAZALI

b nsi Harga makanan di Langkawi melampau?



ANALISIS
MUKA 16

ROSHILA MURNI ROSLI

Langkawi yang mempunyai keluasan 478.48 kilometer persegi (km) merupakan destinasi percutian popular bagi mereka yang ingin menikmati keindahan pulau dan alam semula jadi.

Sejak kerajaan melaksanakan projek rintis Gelembung Pelancongan Langkawi pada 16 September lalu, sektor pelancongan di pulau berkenaan semakin rancak setelah lama terjejas akibat pandemik Covid-19.

Bagaimanapun, pada awal November lalu, Langkawi menjadi sebutan ramai dengan jolokan 'Siakap Seribu'.

Ia bermula apabila seorang pengguna media sosial mendedahkan resit hidangan ikan siakap seberat 7.48 kilogram yang berharga RM1,196.80 di sebuah restoran terapung di pulau terbatit.

Belum reda penangan 'Siakap Seribu', orang ramai dikejutkan dengan harga roti canai kosong berharga RM4 sekeping yang diadukan ke Persatuan Pengguna Kedah (Cake).

Kedua-dua isu berkenaan menjadi perdebatan sehingga ramai pengguna turut memuat naik resit makanan masing-masing di media sosial dan mendakwa harga makanan di Langkawi melampau.

Walaupun tidak tinggal di Langkawi, penulis yang merupakan

orang Kedah yang selalu ditugaskan untuk membuat liputan di pulau legenda berkenaan.

Sejujurnya, bagi penulis, harga makanan di Langkawi masih sama seperti di Alor Setar. Contohnya, masih ada roti canai dijual RM1 sekeping di pulau berkenaan.

Kedai yang terletak kira-kira lima minit perjalanan dari Pantai Chenang menjadi lokasi wajib bagi penulis dan rakan-rakan menikmati sarapan pagi setiap kali ditugaskan ke sana.

Bagaimanapun, penulis tidak menafikan segelintir restoran di Langkawi menawarkan harga yang agak tinggi, namun bergantung kepada kos dan lokasi mereka.

Ia sebenarnya perkara biasa apabila kita berbelanja di mana-mana lokasi pelancongan. Cuma nasihat penulis dalam menghadapi situasi ini, pelancong perlu bijak merancang untuk berbelanja mengikut kemampuan poket sendiri.

Jika anda berasa mempunyai wang yang banyak untuk berbelanja di sana, tidak perlu begitu teliti, sebaliknya pilih sahaja mana-mana restoran yang anda inginkan tanpa merungut atau menularkan resit bayaran.

Jika anda seorang yang berhati-hati dalam berbelanja, seeloknya buat perancangan terlebih dahulu sebelum tiba ke Langkawi.

Banyak restoran popular yang menjadi tumpuan, bukan sahaja di Pantai Chenang, malah di kawasan sekitar seperti Kedawang, Chandek Kura dan Padang Mat Sirat yang hanya mengambil masa beberapa minit sahaja perjalanan dari Pantai Chenang.

Mengambil contoh rakan penu-

lis dari pantai timur yang sering bercuti di Langkawi, dia lazimnya membuat carian di media sosial lokasi tempat makan yang sedap dan berpatutan.

Sekarang semua di hujung jari, selain pengguna Facebook sendiri terdapat juga portal pelancongan turut mempromosikan restoran popular menawarkan harga berpatutan.

Seandainya anda tidak membuat perancangan awal, ringankan mulut bertanya kepada penduduk setempat. Mereka lebih arif dengan kawasan itu dan pasti berbesar hati untuk membantu anda.

Di restoran pula, sebelum memesan makanan seeloknya ambil sedikit masa untuk meneliti menu dan ditawarkan. Ini kerana, bagi makanan laut ia akan dijual secara timbang dan harga yang tertera adalah berdasarkan per gram.

Tidak salah sekiranya pelanggan memohon pihak restoran membuat kiraan terlebih dahulu untuk mengelakkan terlebih bajet.

Bagi pihak restoran pula, mereka perlu memaklumkan harga sebenar yang perlu dibayar oleh pelanggan supaya tidak timbul salah faham.

Bagaimanapun, sekiranya pelanggan merasakan peniaga meletakkan harga melampau, mereka berhak membuat aduan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bersama dengan bukti.

Ini bagi membolehkan pihak berkuasa membuat siasatan dan mengambil tindakan selanjutnya.

* Roshila Murni Rosli
ialah wartawan Sinar Harian

Tawau: Agensi Pengawas Maritim Malaysia (APMM) Zon Maritim Tawau mematahkan cubaan menyeludup keluar lebih tujuh tan barang kawalan bernilai lebih RM200,000 melalui Op Cegah Pati Selatan di sini, kelmarin.

Pengarah Zon Maritim Tawau Kepten Maritim Siva Kumar Vengadasalam berkata, pihaknya mengesan sebuah bot kargo bergerak dalam keadaan mencurigakan pada kedudukan 0.2 batu nautika di Timur Laut Tanjung Saima, Pulau Sebatik, jam 1.30 pagi.

Beliau berkata, selepas di-tahan untuk pemeriksaan,

Cubaan seludup tujuh tan barang kawalan digagalkan

bot kargo itu dikendalikan seorang tekong lelaki tem-patan berusia 32 tahun bersama seorang penumpang wanita warga tempatan berusia 35 tahun dalam perjalanan menuju ke kawasan sempadan perairan Mala-ysia-Indonesia.

"Pemeriksaan dokumen-tasi terhadap barang yang dibawa mendapat tekong gagal mengemukakan per-mit sah selain dokumen kastam yang meraguan.

"Penggeledahan menye-luruh dijalankan dan me-nemukau pelbagai barang-kawalan, barang kosme-tik serta barang runcit termasuk gula pasir (1.6 tan); minyak masak berpa-ket (2.1 tan); tepung gan-dum (3.4 tan); dan 1764 set kosmetik pelbagai jenama," katanya.

Mengulas lanjut, Siva Ku-mar berkata, siasatan juga mendapat barang kos-metik terbabit diragui sta-

tus pendaftarannya serta ti-dak mendapat kelulusan Ke-menterian Kesihatan Ma-laysia (KKM).

Menurutnya, pihaknya ti-dak menolak kemungkinan semua barang kawalan ber-jadual itu disyaki cuba di-seludup keluar dan dipasarkan ke negara jiran.

"Kedua-dua suspek ditan-han bersama bot serta muatan disita dan diiring ke Jeti Maritim Tawau untuk sia-satan lanjut," katanya.

HARI : SELASA
TARIKH : 18/1/2022
M/SURAT : 16

		Senarai Harga Barang Keperluan	
• Ayam	RM8.60	• Telur Gred A	RM12.90
• Daging Lembu Tempatan	RM42.99	• Ikan Kembunggi	RM20
• Daging Lembu Import	RM28	• Minyak Masak	RM6.70
• Gula Pasir	RM2.85	• Bawang Besar Holland	RM1.80
• Cili Merah	RM9.99	• Bawang Putih	RM5.50
• Kubis Bulat Tempatan	RM4.50		
• Tepung Gandum	RM2.35		

*Harga (RM/kg) Sumber: KPONHEP